

## PERSPEKTIF GURU PENDIDIKAN ISLAM (GPI) TERHADAP PENGAPLIKASIAN GOOGLE CLASSROOM (GC) DALAM PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN (PDPC)

### [ISLAMIC EDUCATION TEACHER'S PERSPECTIVE ON THE APPLICATION OF GOOGLE CLASSROOM IN LEARNING AND FACILITATION]

NUR FARAH 'AIN CHE HASSAN<sup>1\*</sup> & HAFIZHAH ZULKIFLI<sup>1</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Correspondent Email: nurfarahain156@gmail.com

---

Received: 7 January 2022

Accepted: 14 January 2022

Published: 17 January 2022

---

**Abstrak:** *Google Classroom (GC)* adalah salah satu aplikasi percuma daripada *Google* yang boleh diakses dimana-mana untuk kemudahan semua pendidik di seluruh negara. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji perspektif Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pengaplikasian *GC* dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Selain itu, kajian ini juga membincangkan tentang perbezaan min pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi GPI terhadap aplikasi *GC* berdasarkan jantina dalam PdPc. Seterusnya, mengetahui perbezaan min pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi GPI terhadap aplikasi *GC* berdasarkan pengalaman mengajar dalam PdPc. Sampel kajian yang dipilih adalah seramai 59 orang GPI. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan alat instrumen yang digunakan adalah soalan selidik melalui *google form*. Data dianalisis dengan menggunakan *IBM SPSS Statistical* versi 26.0 untuk memerihalkan data deskriptif dan inferensi. Min, sisihan piawai, kekerapan dan peratusan dilihat dengan menggunakan statistik deskriptif. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap perspektif GPI terhadap pengaplikasian *GC* dalam PdPc berada pada tahap tinggi. Selain itu, terdapat perbezaan min pengetahuan dan kemahiran GPI berdasarkan jantina yang menggunakan analisis ujian *t* sampel tak bersandar. Namun bagi min sikap dan motivasi berdasarkan jantina adalah sama. Selain itu, terdapat perbezaan min yang signifikan pengetahuan GPI berdasarkan pengalaman mengajar dengan menggunakan ujian *ANOVA* sehalu. Manakala, min kemahiran, sikap dan motivasi GPI tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan pengalaman mengajar. Implikasi kajian ini adalah dapat memberikan gambaran kepada GPI dalam menggunakan kaedah dan strategi yang terbaik untuk memastikan PdPc yang menarik dan berkesan. Justeru itu, diharapkan kajian ini dapat membantu para guru khususnya GPI dalam pengaplikasian PdPc *GC*.

**Kata kunci:** perspektif GPI, Google Classroom, PdPc, pengetahuan GPI, kemahiran GPI, sikap GPI, motivasi GPI.

**Abstract:** *Google Classroom (GC)* is one of the free applications from *Google* that can be accessed anywhere for the convenience of all educators across the country. This study aims to examine the perspectives of Islamic Education Teacher's on the application of *GC* in Learning and Facilitation. In addition, this study also discusses the mean differences of Islamic Education Teacher's knowledge, skills, attitudes, and motivations towards *GC* application based on gender in Learning and Facilitation. Furthermore, this study aims to find out the mean differences of Islamic Education Teacher's knowledge, skills, attitudes, and motivation towards *GC* application based on teaching experience in Learning and Facilitation. The selected study sample was a total of 59 Islamic Education Teacher's. This study uses a survey method and the instrument used is a questionnaire through *google form*. Data

were analysed using IBM SPSS Statistical version 26.0 to describe descriptive and inferential data. Mean, standard deviation, frequency and percentage were viewed using descriptive statistics. Overall, the results of the study show that the level of Islamic Education Teacher's perspective on the application of GC in Learning and Facilitation is at a high level. In addition, there were mean differences of Islamic Education Teacher's knowledge and skills based on gender using independent samples t-test. However, for mean attitude and motivation based on gender are not the same. In addition, there was a significant mean difference of Islamic Education Teacher's knowledge based on teaching experience using One-Way ANOVA. Meanwhile, the mean of Islamic Education Teacher's skills, attitudes and motivation did not differ significantly based on teaching experience. The implication of this study is to be able to provide insight into the Islamic Education Teacher's in using the best methods and strategies to ensure an attractive and effective Learning and Facilitation. Therefore, it is hoped that this study can help teachers, especially Islamic Education Teacher's in the application of Learning and Facilitation GC.

**Keywords:** Islamic Education Teacher's perspective, Google Classroom, PdPc, Islamic Education Teacher's knowledge, Islamic Education Teacher's skills, Islamic Education Teacher's attitude, Islamic Education Teacher's motivation.

**Cite This Article:**

Nur Farah 'Ain Che Hassan & Hafizhah Zulkifli. 2022. Perspektif Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap Pengaplikasian Google Classroom (GC) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) [Islamic Education Teacher's Perspective on The Application of Google Classroom in Learning and Facilitation]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(2), 1-15.

## PENGENALAN

Evolusi dalam sistem pendidikan negara bergerak seiring dengan perkembangan semasa negara. Perkembangan dunia teknologi maklumat pada abad ke-21 menjelaskan kepada perubahan dan cabaran yang dihadapi dalam sistem pendidikan kebangsaan. Dalam meniti arus perkembangan ini, inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membina sebuah pelantar yang juga dikenali sebagai *Digital Learning* atau nama lainnya adalah Pelantar Pembelajaran Digital (Portal DELiMa- KPM, 2020). Pelantar ini boleh diakses dengan menggunakan ID pengguna dan kata laluan MOE-DL ataupun dikenali sebagai alamat *email* moe yang telah dibekalkan kepada penyelarar *ICT* di sekolah masing-masing. Selain itu, ianya dapat membantu dan membimbing para guru untuk membina serta menguruskan kelas dalam talian dengan menggunakan produk *Google Education* seperti *Google Classroom*, *Google Docs*, *Google Slides* dan *Google Jamboard* secara percuma. Berdasarkan laporan UNESCO (Komuniti Guru Digital Learning, 2020), rentetan daripada penularan pandemik Covid-19 telah mengakibatkan penutupan sekolah dan telah menyebabkan hampir 1.37 billion murid berada di rumah di serata dunia. Dalam menghadapi situasi sebegini, semua guru terutamanya GPI boleh menggunakan pembelajaran digital walaupun kebarangkalian penyertaan bagi semua murid tidaklah mencapai tahap maksimum seperti di dalam bilik darjah biasa namun ianya akan membantu murid-murid dalam meneruskan pembelajaran. Di samping itu, perancangan yang rapi diperlukan dalam pembelajaran digital namun mempunyai potensi untuk membantu murid

belajar dengan berkesan dan membantu guru menjadi seorang pemudah cara dalam talian secara lebih efektif.

Anjakan ketujuh dalam PPPM adalah memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia. Oleh itu, PdPc pada masa kini memerlukan pengaplikasian dan pengintegrasian teknologi bagi membangunkan murid secara holistik. Panduan yang dinyatakan dalam buku Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) (2017) bagi Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) telah membahagikan kepada enam bahagian antaranya ialah Guru Sebagai Perancang, Guru Sebagai Pengawal, Guru Sebagai Pembimbing dan Guru Sebagai Pendorong serta Guru Sebagai Penilai. Kaedah pengajaran GPI yang lama berkhidmat dalam pendidikan masih menggunakan kaedah tradisional. Senario yang masih ada sehingga ke hari ini adalah isu amalan guru yang lebih selesa untuk memilih pendekatan tradisional yang berpusatkan kepada guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam serta minat pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam (Norliza Hussin et al., 2013; Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et. al., 2017). Kesannya kepada murid ialah murid mudah untuk berasa bosan dalam mengikuti PdPc Pendidikan Islam dan ketinggalan dalam aspek teknologi sekiranya guru Pendidikan Islam masih menggunakan kaedah tradisional iaitu menulis dan menyalin sahaja.

Di samping itu, guru dapat menyediakan bahan pengajaran dan menilai aktiviti yang dilakukan oleh pelajar apabila berlakunya sesi pembelajaran, bahkan memberi kemudahan kepada pelajar melalui penggunaan internet dan aplikasi web (Norliza Hussin et al. 2013; Normiati Batjo & Abdul Said Ambotang 2019). Tambahan pula, kaedah pengajaran guru turut menyumbang kepada kualiti keberkesanan dan komitmen dalam kualiti pengajaran guru. Oleh itu, kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh GPI dalam memantapkan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) seperti penggunaan aplikasi *GC* dapat membantu dalam meningkatkan kualiti penyampaian kandungan pembelajaran kepada pelajar.

Oleh itu, penulisan ini adalah untuk menilai tahap perspektif GPI terhadap pengaplikasian *GC* dalam PdPc. Selain itu, mengenal pasti perbezaan min pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi GPI terhadap aplikasi *GC* berdasarkan jantina dalam PdPc serta mengenal pasti perbezaan min pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi GPI terhadap aplikasi *GC* berdasarkan pengalaman mengajar dalam PdPc. Kajian ini hanya dijalankan di Daerah Kunak, Sabah dan pensampelan kajian yang terlibat hanyalah GPI di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah sahaja. Justeru, diharapkan penulisan ini dapat memberikan manfaat yang berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Institut Pendidikan Guru (IPG), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengetua, guru besar, ketua panitia dan GPI dalam menyelesaikan masalah penggunaan kaedah pengajaran secara tradisional dalam kalangan GPI serta menjadikan PdPc Pendidikan Islam turut berjalan seiring dengan mata pelajaran teras yang lain. Selain itu, GPI boleh menjadikan penulisan ini sebagai panduan dalam membuat penilaian mengenai aspek-aspek yang perlu diberi perhatian untuk memantapkan lagi PdPc secara berkesan.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025 menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (Laporan Tahunan PPPM, 2019) telah mengambil inisiatif dalam menyediakan platform digital untuk memantapkan lagi penyampaian pendidikan sejajar dengan Pendidikan Abad Ke-21 dan Revolusi Industri 4.0. Oleh itu, PdPc yang berlaku dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah secara dalam talian sepenuhnya akibat daripada pandemik Covid-19 yang masih berterusan sehingga sekarang.

PdPc Pendidikan Islam seharusnya selari dengan Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) yang menekankan elemen 4K + 1N (Komunikasi, Kolaboratif, Kritis, Kreatif dan Nilai) (KPM, 2019) serta seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Revolusi Industri 4.0 yang berlaku pada ketika ini telah mengubah ekonomi dunia yang berasaskan sumber konvensional kepada ekonomi digital di mana semuanya bergantung kepada industri teknologi yang menggunakan keperluan tenaga pekerja yang berkemahiran tinggi dan cekap untuk bersama-sama bekerja dengan pelbagai sistem automasi ataupun robot yang bakal di guna pakai supaya dapat mempercepatkan lagi proses pengeluaran serta produktiviti sesebuah negara (Noor Mohamad Shakil Hameed 2018; Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain et al. 2019). Justeru, perlunya GPI membuat pelaburan dalam mengikuti program-program untuk pembangunan sendiri dan peningkatan bakat supaya dapat melahirkan tenaga pekerja pada masa hadapan yang mempunyai kesamarataan peluang untuk bersaing dalam cabaran dunia yang begitu kompetitif ini.

Kandungan kurikulum (Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) (2015) yang terkandung dalam PdPc Pendidikan Islam bagi Sekolah Rendah ini hendaklah disampaikan seiring dengan perkembangan semasa dalam pendidikan supaya PdPc Pendidikan Islam tidak ketinggalan dan akan memberikan makna kepada pelajar. Perubahan kepada kaedah pengajaran GPI sebelum ini yang menggunakan pendekatan tradisional seperti kapur dan papan tulis yang bersifat sehala ataupun berpusatkan kepada guru hendaklah ditambah baik dengan penguasaan dan kemahiran *ICT* yang baik seterusnya dapat mewujudkan pembelajaran berpusatkan murid sejajar dengan intipati PPPM dan PAK21. Ini kerana, menurut Muhammad Fauzan Mohd Dahlan dan Hafizhah Zulkifli (2020) menyatakan bahawa masih ada segelintir GPI yang menggunakan corak pengajaran yang sama dalam menjelaskan sesuatu tajuk yang terdapat di dalam buku teks. Tambahan pula, kaedah pengajaran GPI mestilah mengikut keadaan semasa yang memerlukan guru tersebut bersifat kreatif dan inovatif dalam menggunakan media dan sumber yang sesuai serta menarik untuk memantapkan lagi pengurusan PdPc mereka. Oleh yang demikian, GPI mempunyai tanggungjawab dan peranan yang besar dalam memastikan transformasi pendidikan negara (Mohd Zaidi Mohd Zeki et al., 2020) dapat direalisasikan dengan sebaiknya.

### **E-Pembelajaran**

Penggunaan e-Pembelajaran dalam pendidikan terutamanya PdPc dapat menarik golongan muda yang terdiri daripada generasi Z dan Alpha. Generasi Z terdiri daripada golongan yang

lahir bermulanya pada tahun 1998 sehingga 2009 manakala Generasi Alpha pula adalah mereka yang lahir dari tahun 2015 hingga sekarang (Muhammad Talhah et al., 2019). Oleh itu, banyak faedah dan manfaat yang boleh didapati melalui penggunaan e-Pembelajaran. Antaranya ialah fleksibiliti kemudahan untuk pembelajaran secara dalam talian, masa dan tempat serta dapat menjimatkan penggunaan kertas. Tambahan pula, e-Pembelajaran dapat dijalankan di mana-mana dan pada bila-bila masa dengan menggunakan aplikasi *GC* mengikut kemampuan dan keupayaan pengguna.

*Google Classroom (GC)* boleh didapati di dalam telefon bimbit bagi memudahkan sekolah-sekolah untuk membuat, mengedarkan dan menilai tugas dengan cara tanpa menggunakan kertas serta dapat membantu melaksanakan PdPc secara atas talian (Abdul Barir Hakim 2016; Norhasliza 2020). Selain itu, tujuan utama *GC* adalah untuk menyelaraskan pengurusan kelas secara dalam talian dan dapat membantu memantapkan PdPc GPI dalam penyampaian kandungan kurikulum kepada pelajar. Pengurusan *GC* yang mantap di sekolah dapat diwujudkan dengan adanya bilik khas *GC* yang mengandungi alatan komputer bagi memudahkan PdPc yang menggunakan aplikasi *GC* berlaku di sekolah. Selain itu, kewujudan bilik ini memudahkan guru untuk memperkenalkan aplikasi *GC* kepada pelajar buat pertama kalinya. Penggunaan *GC* dalam mata pelajaran Pendidikan Islam boleh membawa kepada transformasi pendidikan.

### **Teori Berkaitan Kompetensi Guru**

Teori-teori yang berkaitan dengan kompetensi seseorang guru mempunyai perkaitan dengan perspektif GPI terhadap pengaplikasian *GC* dalam PdPc mereka. Antaranya ialah teori pengetahuan, teori kemahiran, teori sikap dan teori motivasi. Ini kerana, guru pada era ini perlu mempunyai kemahiran abad ke-21 dalam mengintegrasikan proses pembelajaran dengan teknologi terutamanya teknologi digital (Sigit Priatmoko & Nilna Iqbal Dzakiyyah, 2020). Teori yang bersesuaian dengan pengetahuan guru adalah kerangka *Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK)* yang dikembangkan oleh Mishra dan Koehler (2006). *TPACK* ini merupakan pengetahuan baru yang perlu dikuasai oleh guru dalam mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran (Imam Fitri, 2019) yang menjadi kerangka asas kepada pengetahuan guru yang berada di abad ke-21. *TPACK* ini adalah pengetahuan tentang penggunaan teknologi yang boleh diintegrasikan dalam PdPc oleh GPI. Ini bagi memastikan GPI dapat menggunakan kemudahan teknologi yang sedia ada dalam menyampaikan isi kandungan pembelajaran dengan berkesan.

Kompetensi guru dari aspek kemahiran mempelbagaikan strategi PdPc terutamanya dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) (Anuar & Nelson, 2015) dapat memastikan kandungan pembelajaran disampaikan kepada pelajar dengan lebih baik. Antara teori yang dapat dikaitkan dengan kemahiran ini adalah *Diffusion of Innovation Theory* yang berkait dengan penyebaran maklumat antara manusia sebagai satu proses komunikasi dan adaptasi idea baru yang berlaku dalam diri seseorang sebagai tindak balas terhadap pembelajaran mengenai inovasi (Rogers, 2003; Dearing & Cox, 2018). Apabila sesuatu inovasi dan idea baru diadaptasi dan digunakan maka kemahiran penggunaan *ICT GC* akan berubah. Manakala, jika penyebaran sesuatu idea baru tidak berlaku, maka sesi transformasi PdPc abad ke-21 tidak akan berlaku. Hal ini juga berlaku dalam pengaplikasian *GC* dalam PdPc

Pendidikan Islam. Jika GPI tidak mengaplikasikannya, maka mereka tidak akan memperoleh manfaat yang ada pada *GC* untuk memantapkan PdPc mereka.

Teori sikap yang bersesuaian dengan kajian ini adalah *Technology Acceptance Model (TAM)* ataupun dikenali sebagai Model Penerimaan Teknologi. *TAM* adalah salah satu teori yang paling banyak digunakan dalam penyelidikan sistem maklumat dan telah diperkenalkan oleh Davis (1989) serta digunakan untuk meramalkan adakah teknologi baru (Mortenson, M.J. & Vidgen, R., 2016) yang diperkenalkan akan diadaptasi oleh seseorang individu, kumpulan atau sesebuah organisasi dalam menggunakan teori tindakan beralasan. Selain itu, *TAM* dianggap berpengaruh dan dapat menjelaskan penerimaan seseorang dalam penggunaan sistem informasi (Riski Nurida Rahmawati, 2019). Oleh itu, sikap GPI dalam menerima dan mengadaptasi *GC* memainkan peranan dalam menyahut seruan KPM untuk membawa perubahan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Teori Motivasi Dua Faktor Herzberg oleh Frederick Herzberg (1959) adalah bersesuaian dengan kajian ini. Teori ini memberikan tumpuan kepada faktor motivasi yang dijelaskan sebagai faktor intrinsik atau dalaman dan faktor ekstrinsik sebagai luaran yang menentukan tahap kepuasan kerja (Alia Yashak et al., 2020). Faktor dalaman yang ada dalam diri seseorang GPI dapat mengeluarkan kejayaan perlakuannya. Manakala faktor luaran di tempat kerja dapat membantu dalam meningkatkan kepuasan kerja seterusnya menambah baik prestasi dan motivasi seseorang GPI. Kedua-dua faktor tersebut memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan motivasi GPI untuk mengaplikasikan *GC* dalam PdPc mereka.

Penelitian daripada kajian-kajian lepas menunjukkan pengaplikasian *GC* dapat membantu guru memperkasakan PdPc. Antaranya ialah satu tinjauan terhadap tanggapan guru-guru dalam penggunaan platform *GC* bagi proses pembelajaran Sejarah. Dapatan kajian M. Kaviza (2020b) menunjukkan bahawa tanggapan guru lelaki dan guru perempuan berada dalam tahap yang tinggi. Selain itu kajian lain yang dijalankan oleh M. Kaviza (2020a) yang mengatakan tahap kesediaan guru sejarah terhadap penggunaan *GC* juga berada pada tahap yang tinggi. Tambahan pula, kajian seterusnya yang dijalankan oleh M. Kaviza et al., (2020) tentang kesan pembelajaran abad ke-21 melalui aplikasi *GC* terhadap pencapaian penguasaan pengetahuan sejarah juga menunjukkan keberkesanan. Kesemua kajian yang telah dijalankan menunjukkan penggunaan *GC* dalam PdPc membantu dalam menyampaikan kandungan pembelajaran dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah untuk meninjau perspektif GPI terhadap pengaplikasian *GC* dalam PdPc mereka berdasarkan kepada empat konstruk utama iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan, pengaplikasian *GC* dapat menyediakan suasana pembelajaran yang bersifat interaktif sejajar dengan perkembangan dunia pendidikan semasa. Melalui aplikasi *GC*, GPI dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam menyampaikan ilmu kepada pelajar. Tambahan pula, transformasi pendidikan melalui e-pembelajaran seperti *GC* di sekolah-sekolah menjadi penanda aras kepada kemajuan sistem pendidikan negara. Penyediaan pelajar dalam menghadapi cabaran kehidupan abad ke-21 dapat dibuktikan oleh GPI dengan jayanya melalui penggunaan teknologi maklumat. Harapan pengkaji dalam kajian ini supaya pengaplikasian *GC* dalam PdPc Pendidikan Islam dapat diterima dan diamalkan oleh GPI kerana ia berpotensi untuk memodenkan sistem pendidikan di Malaysia.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kaedah ini digunakan untuk mengenal pasti sejauh mana tahap perspektif GPI terhadap aplikasi GC dalam PdPc. Selain itu, kaedah tinjauan ini digunakan untuk mengenal pasti perbezaan min pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi GPI terhadap aplikasi GC berdasarkan jantina, pengalaman mengajar serta hubungan antara kemahiran dengan motivasi dalam perspektif GPI terhadap pengaplikasian GC.

### **Populasi Dan Sampel**

Kajian ini dijalankan di 18 buah sekolah di sekitar daerah Kunak, Sabah. Sekolah yang terlibat adalah terdiri daripada 15 buah sekolah rendah dan 3 buah sekolah menengah. Populasi kajian adalah sebanyak 70 orang. Jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan bagi menentukan saiz sampel kajian.

### **Instrumen**

Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi oleh Nor Hasmaliza dan Zamri (2016) serta M. Kaviza (2020b) yang diubah suai mengikut keperluan kajian ini. Nilai Cronbach Alpha yang dijalankan dengan menggunakan soal selidik iaitu 0.98 menunjukkan keseragaman ketekalan dalaman yang diterima dalam kajian ini (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018). Dua bahagian yang terkandung di dalam instrumen soal selidik adalah seperti berikut:

1. Bahagian A: Maklumat Latar Belakang Responden (Demografi). Maklumat latar belakang responden yang meliputi jantina dan pengalaman mengajar.
2. Bahagian B: Pada bahagian B, soal selidik dipecahkan kepada empat konstruk yang meliputi pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi terhadap pengaplikasian GC dalam PdPc Pendidikan Islam.

Untuk mendapatkan maklum balas responden tentang pengaplikasian GC dalam PdPc Pendidikan Islam bagi aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi GPI, sebanyak lapan item soalan digunakan bagi setiap konstruk. Instrumen ini menggunakan Skala Likert lima mata daripada sangat tidak setuju, tidak setuju, kurang setuju, setuju dan mata kelima yang terakhir menunjukkan sangat setuju yang diletakkan nilai satu hingga lima yang membawa kepada lima pilihan jawapan.

### **Prosedur Pengumpulan dan Penganalisan Data**

Bagi memastikan kaedah-kaedah ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, pengkaji mengikut beberapa prosedur dalam mengumpul data. Antaranya dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Kunak untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah yang terlibat. Seterusnya, pengkaji memohon pertolongan daripada Ketua Unit Pendidikan Islam Daerah Kunak untuk menyebarkan *link Google Form* yang mengandungi soal selidik

yang perlu dijawab oleh semua GPI di daerah Kunak. Data responden akan terus berada di dalam pangkalan data pengkaji apabila guru-guru Pendidikan Islam Daerah Kunak menjawab *Google Form* tersebut.

Dalam konteks kajian ini, analisis data melibatkan data berbentuk kuantitatif. Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26 digunakan bagi menganalisis data yang diperoleh daripada soal selidik. Data yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan ujian t sampel tak bersandar dan *ANOVA* Sehalu. Interpretasi tahap perspektif GPI dalam kajian ini ditentukan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1 yang diadaptasi dan diubahsuai daripada Nor Hasmaliza dan Zamri (2016) serta M. Kaviza (2020b).

Jadual 1 Interpretasi Min dan Tahap

Skor Min	Tahap
3.67-5.00	Tinggi
2.34-3.66	Sederhana
1.00-2.33	Rendah

## DAPATAN KAJIAN

### Demografi Responden

Kajian ini menggunakan sampel seramai 59 orang GPI di daerah Kunak. Kategori sekolah rendah dan sekolah menengah yang terlibat adalah kategori sekolah luar bandar dan pedalaman. Berdasarkan analisis deskriptif yang telah dilakukan, bilangan GPI perempuan adalah melebihi daripada bilangan GPI lelaki. Bagi analisis berkaitan pengalaman mengajar didapati pengalaman mengajar 4 hingga 10 tahun adalah yang paling tinggi bilangannya. Secara keseluruhannya, profil responden kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Profil responden kajian

Kriteria	Kumpulan	N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	28	47.5
	Perempuan	31	52.5
Pengalaman Mengajar	Kurang 3 tahun	13	22.0
	4-10 tahun	25	42.4
	11-15 tahun	7	11.9
	16-20 tahun	7	11.9
	21 tahun ke atas	7	11.9

### Min Tahap Perspektif Guru terhadap Aplikasi GC dalam PdPc Pendidikan Islam

Dapatan skor min pada Rajah 1 menunjukkan min tahap perspektif keseluruhan GPI adalah pada tahap tinggi (min=4.00) mengikut jadual interpretasi tahap skor min yang diadaptasi dan



diubahsuaikan daripada Nor Hasmaliza dan Zamri (2016); M. Kaviza (2020b). Hal ini menunjukkan bahawa perspektif guru terhadap pengaplikasian GC dalam PdPc Pendidikan Islam adalah tinggi. Ini juga menunjukkan bahawa GPI mengetahui aplikasi GC yang boleh digunakan dalam PdPc mereka.

Rajah 1: Min Tahap Perspektif Guru terhadap aplikasi GC dalam PdPc Pendidikan Islam



### Perbezaan Min Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi GPI terhadap aplikasi GC dalam PdPc berdasarkan Jantina

Jadual 3 menunjukkan ujian t sampel tak bersandar bagi min pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi berdasarkan jantina. Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan bagi pengetahuan GPI lelaki (min=4.07, sisihan piawai= .55) dan bagi GPI perempuan (min=3.77, sisihan piawai= .58); ( $t= 2.007$ ,  $p= .049$ ). Darjah perbezaan bagi min pengetahuan GPI menunjukkan darjah perbezaan yang sederhana ( $\eta^2 > 0.01 = 0.066$ ). Selain itu, jadual 4 juga menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan bagi kemahiran GPI lelaki (min=3.95, sisihan piawai= .68) dan GPI perempuan (min=3.60, sisihan piawai= .61); ( $t= .2.227$ ,  $p= .030$ ). Darjah perbezaan bagi min kemahiran GPI menunjukkan darjah perbezaan yang sederhana ( $\eta^2 > 0.01 = 0.080$ ). Manakala, bagi min sikap GPI lelaki (min=4.30, sisihan piawai= .60) dan bagi GPI perempuan (min=4.06, sisihan piawai= .57; ( $t=1.385$ ,  $p= .172$ ) menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan. Darjah perbezaan bagi min sikap GPI menunjukkan darjah perbezaan yang kecil ( $\eta^2 > 0.01 = 0.033$ ). Seterusnya, bagi min motivasi GPI lelaki menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan (min=4.15, sisihan piawai= .69) dan bagi GPI perempuan juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan (min=4.04, sisihan piawai= .58); ( $t=0.648$ ,  $p= .520$ ). Manakala, darjah perbezaan bagi min motivasi adalah sangat kecil ( $\eta^2 < 0.01 = 0.007$ ).

Jadual 3 Ujian t sampel tak bersandar bagi Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi GPI terhadap aplikasi GC berdasarkan Jantina dalam PdPc


Tahap	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig.
Pengetahuan GPI	Lelaki	28	4.07	.55	2.007	.049
	Perempuan	31	3.77	.58		
Kemahiran GPI	Lelaki	28	3.95	.68	2.227	.030
	Perempuan	31	3.60	.61		
Sikap GPI	Lelaki	28	4.30	.60	1.385	.172
	Perempuan	31	4.06	.57		

Motivasi GPI	Lelaki	28	4.15	.69	0.648	.520
	Perempuan	31	4.04	.58		

### Perbezaan Min Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi GPI terhadap aplikasi GC dalam PdPc mengikut Pengalaman Mengajar

Analisis ujian *ANOVA* sehalal dilakukan dalam Rajah 2 dan Jadual 4 untuk mengetahui min pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi GPI terhadap aplikasi GC dalam PdPc mengikut pengalaman mengajar. Sampel dibahagikan kepada lima kumpulan mengikut pengalaman mengajar mereka (Kategori 1: Kurang 3 tahun; Kategori 2: 4 hingga 10 tahun; Kategori 3: 11 hingga 15 tahun; Kategori 4: 16 hingga 20 tahun; Kategori 5: 21 tahun ke atas). Terdapat perbezaan yang signifikan pada  $p < .05$  pengetahuan GPI mengikut pengalaman mengajar [ $F(4, 54) = 4.099, p = 0.006$ ]. Walaupun keputusan analisis ujian *ANOVA* sehalal min pengetahuan tersebut adalah signifikan secara statistik namun perbezaan sebenar dalam skor min antara kumpulan adalah agak kecil. Kesan saiz yang dikira dengan menggunakan *eta squared* adalah 0.233. Perbandingan pasca-hoc menggunakan ujian *Scheffe* menunjukkan bahawa skor min untuk Kategori 1 - Kurang 3 tahun (min=3.70, sisihan piawai=0.60) tidak mempunyai perbezaan secara signifikan daripada Kategori 2 - 4 hingga 10 tahun (min=4.20, sisihan piawai=0.46), Kategori 3 - 11 hingga 15 tahun (min=3.60, sisihan piawai=0.25) dan Kategori 4 - 16 hingga 20 tahun (min=3.50, sisihan piawai=0.70) serta Kategori 5 - 21 tahun ke atas (min=4.02, sisihan piawai=0.35).

Rajah 2: Perbezaan Min mengikut pengalaman mengajar



Jadual 4: Ujian *ANOVA* Sehalal bagi Min Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Motivasi GPI terhadap aplikasi GC mengikut Pengalaman Mengajar dalam PdPc

Tahap	Pengalaman Mengajar	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Pengetahuan GPI	Dalam kumpulan	4.57	4	1.14	4.10	.006
	Antara kumpulan	15.06	54	.28		

	Keseluruhan	19.63	58			
Kemahiran GPI	Dalam kumpulan	3.88	4	.97	2.40	.062
	Antara kumpulan	21.87	54	.41		
	Keseluruhan	25.75	58			
Sikap GPI	Dalam kumpulan	2.21	4	.55	1.65	.174
	Antara kumpulan	18.07	54	.34		
	Keseluruhan	20.28	58			
Motivasi GPI	Dalam kumpulan	3.50	4	.87	2.41	.060
	Antara kumpulan	19.53	54	.36		
	Keseluruhan	23.03	58			

Bagi min kemahiran GPI, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada  $p > .05$  mengikut pengalaman mengajar [ $F(4, 54) = 2.392, p = 0.062$ ]. Seterusnya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada  $p > .05$  sikap GPI mengikut pengalaman mengajar [ $F(4, 54) = 1.653, p = 0.174$ ]. Bagi analisis ujian ANOVA sehalu min motivasi GPI turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada  $p > .05$  mengikut pengalaman mengajar [ $F(4, 54) = 2.416, p = 0.060$ ]. Justeru, dapat dirumuskan bahawa kemahiran, sikap dan motivasi dalam kalangan GPI mengikut pengalaman mengajar adalah sama.

## PERBINCANGAN

Kajian ini adalah untuk mengkaji perspektif GPI yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, sikap dan motivasi GPI yang mempengaruhi pengaplikasian GC dalam PdPc Pendidikan Islam. Di samping itu, kajian ini adalah kajian pertama yang menunjukkan tahap perspektif GPI terhadap pengaplikasian GC dalam PdPc Pendidikan Islam. Banyak kajian berkaitan GC yang dijalankan adalah berkaitan dengan mata pelajaran lain selain daripada mata pelajaran Pendidikan Islam.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap perspektif GPI di daerah Kunak terhadap aplikasi GC dalam PdPc Pendidikan Islam adalah tinggi selari dengan dapatan kajian-kajian lepas bahawa aplikasi GC dapat membantu dalam mempelbagaikan kaedah untuk memastikan PdPc yang berkesan (M. Kaviza et al., 2020; M. Kaviza, 2020b; Abdul Barir Hakim, 2016). Ini menunjukkan GPI di daerah ini bersedia dengan penerimaan aplikasi GC dalam PdPc bertepatan dengan saranan KPM yang menyeru guru-guru untuk mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, dapatan kajian juga menunjukkan tahap perspektif GPI perempuan adalah rendah sedikit berbanding tahap perspektif GPI lelaki walaupun keseluruhan tahap perspektif berada pada tahap yang tinggi. Ini menjelaskan bahawa GPI perempuan merasakan bahawa pengintegrasian teknologi dalam PdPc memerlukan lebih penelitian dan penerokaan sebelum menggunakannya dalam PdPc mereka.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa jantina memainkan peranan dalam pengetahuan dan kemahiran GPI terhadap pengaplikasian GC dalam PdPc. GPI lelaki menunjukkan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi berbanding dengan GPI perempuan. Dapatan ini selari dengan keperluan guru yang berkemahiran dalam mempelbagaikan strategi untuk PdPc juga termasuk dalam kompetensi seorang guru (Rogers 2003; Dearing & Cox 2018; Anuar & Nelson 2015). Walau bagaimanapun, dapatan kajian bagi sikap dan motivasi GPI tidak menunjukkan perbezaan antara GPI lelaki dan GPI perempuan. Ini menjelaskan bahawa sikap

dan motivasi GPI adalah sama. Selain itu, guru pada abad ke-21 mempunyai sikap dan motivasi yang sama dan tinggi dalam memastikan kelangsungan serta keberkesanan PdPc mereka.

Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pengetahuan GPI bergantung kepada pengalaman mengajar mereka. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Muhammad Alamsyah et al., (2020) yang menjelaskan bahawa pengetahuan seseorang guru akan meningkat sekiranya pengalaman mengajar mereka meningkat. Oleh itu, profesionalisme guru juga akan turut meningkat. Kebiasaannya, semakin lama seseorang GPI itu berkhidmat, maka pengetahuannya akan semakin bertambah (Siti Rohma et al. 2020; Khodijah Murkatik et al. 2020). Namun, dalam pendedahan teknologi maklumat, generasi yang baharu mudah untuk mempelajarinya berbanding dengan generasi yang lama. Manakala, bagi aspek kemahiran, sikap dan motivasi GPI adalah sama dan tidak bergantung kepada pengalaman mengajar. Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran, sikap dan motivasi boleh meningkat ataupun tidak meningkat bergantung kepada seseorang guru tersebut. Sekiranya guru tersebut seorang yang rajin dalam mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajarannya, maka penerimaan guru tersebut adalah positif terhadap sesuatu yang baru demi keberkesanan PdPc nya.

Kajian ini dijalankan berdasarkan teori kompetensi guru dalam mengintegrasikan proses pembelajaran dengan teknologi terutamanya teknologi digital. Implikasi kajian ini dalam PdPc adalah dengan memberikan maklumat tentang tahap perspektif GPI dalam pengaplikasian GC. Oleh itu, pengkaji mengharapkan supaya kajian ini dapat memberikan manfaat kepada pihak pengurusan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Institut Pendidikan Guru (IPG), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengetua, guru besar, ketua panitia dan GPI bagi memastikan PdPc Pendidikan Islam turut berjalan seiring dengan mata pelajaran teras yang lain. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan panduan kepada GPI dalam membuat penilaian mengenai aspek-aspek yang perlu diberi perhatian untuk memantapkan lagi PdPc secara berkesan.

Namun, limitasi kajian ini hanya dijalankan di Daerah Kunak, Sabah dan pensampelan kajian yang terlibat hanyalah GPI di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah sahaja. Oleh itu, cadangan kajian lanjutan adalah dengan menggunakan pensampelan yang melibatkan GPI di seluruh daerah di Sabah bagi mengetahui tahap perspektif GPI dalam pengaplikasian GC dalam PdPc mereka. Seterusnya, pihak KPM perlu terus mencari jalan yang terbaik dalam memperkasakan proses pelaksanaan GC dalam sistem pendidikan di Malaysia ini terutamanya dalam PdPc Pendidikan Islam supaya seiring bergerak dengan mata pelajaran yang lain.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, perspektif GPI terhadap pengaplikasian GC dalam PdPc berada pada tahap tinggi. Hal ini kerana aplikasi GC dapat membantu guru mengurus PdPc dengan baik tidak kira di mana sahaja guru berada dengan bantuan daripada capaian internet yang stabil. Teknologi digital dapat memberikan banyak manfaat kepada kita sebagai pengguna sekiranya dimanfaatkan dengan cara yang sepatutnya. Walaupun teknologi digital mempunyai kelebihannya tersendiri namun semestinya terdapat cabaran yang berlaku apabila menggunakan aplikasi GC ini. Oleh itu, cabaran tersebut perlu diatasi dan ditangani oleh semua pihak dari semasa ke semasa bagi memastikan pengintegrasian teknologi dalam pendidikan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

## RUJUKAN

- Abdul Barir Hakim. 2016. Efektifitas penggunaan E-Learning Moodle, Google Classroom dan Edmodo. *I-STATEMENT* 2(1): 1-6.
- Alia Yashak, Mohamad Syafiq Ya Shak, Mohd Haniff Mohd Tahir, Dianna Suzieanna Mohamad Shah & Mohd Faisal Mohamed. 2020. Faktor motivasi Teori Dua Faktor Herzberg dan tahap motivasi Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Sains Insani* 5(2): 65-74.
- Anuar Ahmad & Nelson Jingga. 2015. Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3(2): 1-11.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2015. <https://www.moe.gov.my/menumedia/media-cetak/penerbitan/dskp-kssr/1265-dskp-kssr-pendidikan-islam-tahun-6/file>
- Davis, F. 1989. Perceived usefulness, perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly* 13(3): 319–340.
- Dearing, J.W. & Cox, J. G. 2018. Diffusion of Innovations Theory, Principles and Practice. *Health Affairs* 37(2): 183-190.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2018. *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Herzberg, F., Mausner, B. & Snyderman, B. 1959. *The motivation to work*. New York: t.pt.
- Imam Fitri Rahmadi. 2019. Technological Pedagogical Content Knowledge (TPACK): Kerangka pengetahuan guru abad 21. *Jurnal Pendidikan Kewarganegaraan* 6(1): 65-74.
- Komuniti Guru Digital Learning. 2020. <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/ldp-digital-learning/home?authuser=0>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2019. <http://ipgkpm.edu.my/download/PAK21-KPM.pdf>
- Khodijah Murkatik, Edi Harapan & Dessy Wardiah. 2020. The Influence of Profesional and Pedagogic Competence on Teacher's Performace. *Journal of social Work and Science Education*, 1(1): 58-69.
- Krejcie, V.R., & Morgan, W.D. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement*. Minnesota: University of Minnesota.
- Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2021. 2019. <https://www.moe.gov.my/en/penerbitan/3935-ar2019-inforgraphic-final-compress/file>
- Mishra, P. & Koehler, M.J. 2006. Technological Pedagogical Content Knowledge: A Framework for Teacher Knowledge. *Teachers College Record* 108(6): 1017-1054.
- M. Kaviza, Shaharudin Saad & Asiah Dahaman. 2020. Kesan pembelajaran Abad ke-21 melalui aplikasi Google Classroom terhadap pencapaian penguasaan pengetahuan Sejarah. *Journal of ICT in Education (JICTIE)* 8(1): 92-103.
- M. Kaviza. 2020a. Kesediaan Guru Sejarah terhadap penggunaan Google Classroom. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(8): 133-139.
- M. Kaviza. 2020b. Satu tinjauan terhadap tanggapan guru-guru dalam penggunaan platform Google Classroom sebagai platform pembelajaran Sejarah. *Journal of ICT in Education (JICTIE)* 7(2): 74-80.
- Mohd Zaidi Mohd Zeki, Ahmad Zabidi Abdul Razak & Rafiza Abd. Razak. 2020. Cabaran pengajaran Guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman: Bersediakah dalam

- melaksanakan KBAT?. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 8(1): 11-24.
- Mortenson, M. J. & Vidgen, R. 2016. A computational literature review of the technology acceptance model. *Elsevier: International Journal of Information Management* 36(6): 1248-1259.
- Muhammad Alamsyah, Syarwani Ahmad & Helmi Harris. 2020. Pengaruh Kualifikasi Akademik dan Pengalaman Mengajar terhadap Profesionalisme Guru. *Journal of Education Research* 1(3): 42-55.
- Muhammad Fauzan Mohd Dahlan & Hafizhah Zulkifli. 2020. Kefahaman dan kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap kaedah Sokratik. *JQSS: Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 4(1): 42-55.
- Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain, Aminudin Hehsan & Ahmad Marzuki Mohamad. 2019. Learning and Facilitation (PdPc) Islamic Education in Industrial Revolution 4.0. *Journal of Research in Psychology* 1(3): 13-17.
- Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain, Asma Nurul Aqilah Mahpuz, Siti Nur Hadis A Rahman & Ahmad Marzuki Mohamad. (2019). Industrial Revolution 4.0: Innovation and Challenges of Islamic Education Teachers in Teaching. *BITARA: International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 2(1): 38-47.
- Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod. 2016. Persepsi Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 6(2): 78-90.
- Norhasliza. 2020. Persepsi pelajar terhadap penggunaan Google Classroom sebagai media e-pembelajaran dalam Kursus Penyelidikan Pendidikan-Kertas Projek. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 21: 69-82.
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul & Roseamnah Abd. Rauf. 2013. Penggunaan laman web sebagai transformasi dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *O-jIE: The Online Journal of Islamic Education* 1(2): 58-73.
- Normiati Batjo & Abdul Said Ambotang. 2019. Pengaruh pengajaran guru terhadap kualiti pengajaran guru. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4(2): 30-42.
- Noor Mohamad Shakil Hameed. 2018, Januari 16. Elak jadi korban Industri 4.0. Utusan Malaysia, 9.
- Portal DELIMa-KPM. 2020. <https://sites.google.com/moe.edu.my/login/login>
- Riski Nurida Rahmawati. 2019. Actual usage penggunaan E-learning dengan Technology Acceptance Model (TAM). *Jurnal Inovasi Teknologi Pendidikan* 6(2): 127-136.
- Rogers, E.M. 2003. *Diffusion of innovations*. New York, Free Press.
- Sigit Priatmoko & Nilna Iqbal Dzakiyyah. 2020. Relevansi Kampus Merdeka terhadap kompetensi guru era 4.0 dalam perspektif Experiential Learning Theory. *At-Thullab: Jurnal Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah* 4(1): 1-15.
- Siti Rohma, Edi Harapan & Dessy Wardiah. 2020. The Influence of School-Based Management and Teacher's Professionalism toward Teacher's Performance. *Journal of Social Work and Science Education* 1(1): 13-23.
- Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). 2017. <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/skpmg2-2018>

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Fatimah Sahida Abdurajak, Yusmini Md Yusoff & Madiha Baharuddin. 2017. Pendekatan Konstruktivisme di Malaysia dan Brunei Darussalam: Satu Tinjauan awal terhadap pengamalan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Education Research (JIER)* 2(1): 23-35